

**RIKI Rahman**

**NOR SHELA Saleh**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

## **TRUMPISME DAN PEMBANGUNAN NUKLEAR IRAN**

### ***TRUMPISM AND IRAN'S NUCLEAR DEVELOPMENT***

*Iran dan negara-negara P5+1 berjaya mencapai kesepakatan berkenaan program pembangunan nuklear menerusi Joint Comprehensive Plan of Action (JCPOA) pada 14 Julai 2015 yang lalu. Kesepakatan ini memberikan harapan kepada ramai pihak bahawa ketegangan antara Iran dan negara Barat, khususnya Amerika Syarikat (AS), akan berakhir selari dengan ditandatanganinya perjanjian tersebut. Walau bagaimanapun, apabila pentadbiran AS beralih kepada Donald Trump, harapan menjadi musnah apabila Trump mengumumkan bahawa AS menarik diri daripada perjanjian nuklear tersebut pada 8 Mei 2018 yang lalu. Trump justeru menganggap perjanjian JCPOA ini adalah yang terburuk yang melibatkan AS. Trump juga mendakwa Iran sebagai "rejim fanatik" dan "banyak melakukan pelanggaran perjanjian". Persoalan dalam kajian ini ialah apakah karakter peribadi dan gaya kepimpinan Trump boleh mempengaruhi dasar negara?. Untuk menjawab persoalan ini, data sekunder telah dikumpulkan dan kemudian dianalisis dengan menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif. Data tersebut dikumpulkan melalui sumber perpustakaan seperti buku, jurnal, laporan, dan bahan internet. Dengan menggunakan pendekatan idiosinkratik, khususnya aspek peribadi, karakter, dan gaya kepimpinan, kajian ini menyimpulkan bahawa karakter, dan gaya kepimpinan Trump dilihat telah memainkan peranan penting dalam setiap dasar yang diambil. Hampir setiap dasar yang diambil Trump disifatkan sebagai populis dan konservatif sehingga dasar beliau yang sentiasa penuh kontroversi digelarkan sebagai Trumpisme. Masa depan nuklear Iran pun menjadi tidak menentu seiring dengan keputusan Trump untuk menarik diri daripada perjanjian nuklear Iran.*

**Kata kunci:** *Trump, AS, Nuklear Iran, JCPOA, Populis*

*Iran and P5+1 countries have successfully reached an agreement on nuclear development programs through the Joint Comprehensive Plan of Action (JCPOA) on 14 July 2015. The agreement gives hope that tensions between Iran and the Western countries, especially*

*US, would end in line with the signing of the agreement. However, when the US administration was taken over by Donald Trump, the hope was dashed when Trump announced that US was withdrawing from the nuclear agreement on 8 May 2018. Trump considered that the JCPOA agreement to be the worst that involved US. Trump also claimed that Iran was a fanatical regime and made multiple violations of the agreement. The question in this study is whether Trump's personal character and leadership style can influence his foreign policy?. To answer this problem, secondary data has been collected and then analyzed using a qualitative descriptive approach. The data is collected through library resources such as books, journals, reports, and internet materials. Using the idiosyncratic approach, in particular personal aspects, characters, and leadership styles, this study concludes that Trump's character and leadership style is seen to have played an important role in every policy taken. Almost every policy taken by Trump is deemed populist and conservative that his controversy policy is known as Trumpism. Iran's nuclear future has become uncertain as Trump announced the US withdrawal from the Iran nuclear agreement.*

**Keywords:** *Trump, USA, Iranian nuclear, JCPOA, Populist*

## Pengenalan

Kemenangan Donald Trump sebagai Presiden AS ke-45 pada pilihanraya 2016 yang lalu mengejutkan ramai pihak. Banyak pertubuhan dan media arus perdana di AS yang menganalisa pilihanraya Presiden AS dan hasil analisa mereka menjangkakan kemenangan akan diraih oleh Hillary Clinton. Antara pertubuhan dan media arus perdana tersebut ialah Moody's Analytics, Rothenberg & Gonzales, Sabato, Princeton, FiveThirtyEight. Manakala media arus perdana yang turut menjangkakan kemenangan Hillary ialah Fox News, New York Times, Reuters, Bloomberg, L.A. Times dan CBS News. Semuanya menjangkakan kemenangan Hillary di atas 45% undi nasional (*popular votes*) dan di atas 300 undi *electoral* (*electoral votes*). Jangkaan kemenangan Hillary ini melangkaui hasil jangkaan undi yang diraih Trump, iaitu hanya di bawah 45% undi nasional dan di bawah 300 undi *electoral*.<sup>1</sup> Namun hasil undi sebenar menunjukkan keputusan sebaliknya. Trump diumum sebagai pemenang pilihanraya Presiden AS pada 2016 lalu dengan meraih 306 undi *electoral*.

Atas kemenangan Trump itu, pelbagai reaksi ditunjukkan oleh lapisan masyarakat bagi menyuarakan keimbangan terhadap keputusan pilihanraya tersebut, termasuk tunjuk perasaan di jalan-jalan di merata tempat. Walau apapun, rakyat AS terpaksa akur dengan presiden baharu yang dipilih oleh suara majoriti.<sup>2</sup> Kebangkitan Trump menjadi perhatian seluruh dunia sejak beliau

menjalankan kempen dengan perjuangan untuk menghapuskan perjanjian perdagangan, menyekat kemasukan pendatang asing, menolak isu perubahan iklim<sup>3</sup> dan beberapa dasar lain yang bertentangan dengan kehendak masyarakat antarabangsa. Pastinya, Trump telah berada di tumpuk kekuasaan. Sebahagian polisi yang disampaikannya ketika kempen dahulu telahpun dilaksanakan, termasuk tidak memperakui perjanjian nuklear Iran di bawah JCPOA yang telah dicapai pada 2015 yang lalu.

Berikutnya terpilihnya Trump sebagai Presiden AS, muncul satu persoalan yang berkaitan dengan pembangunan teknologi nuklear Iran, iaitu apakah karakter peribadi dan gaya kepimpinan Trump boleh mempengaruhi dasar negara dan hala tuju hubungan kedua-dua negara? Bagi menjawab persoalan ini, data sekunder telah dikumpulkan dan kemudian dianalisis dengan menggunakan pendekatan deskriptif kualitatif. Data tersebut dikumpulkan melalui sumber perpustakaan seperti buku, jurnal, laporan, dan bahan internet yang berwibawa untuk menjawab persoalan kajian ini. Penulis menghujahkan bahawa karakter peribadi dan gaya kepimpinan yang dibawa oleh Trump memainkan peranan penting dalam menentukan hala tuju hubungan kedua-dua negara.

### **Idiosinkretik dan Trumpisme**

James Rosenau menerangkan bahawa idiosinkretik merupakan salah satu elemen yang terpenting dalam mempengaruhi dasar luar sesebuah negara. Beliau mentafsirkan idiosinkretik sebagai faktor kepimpinan pembuat dasar yang bertanggungjawab dalam memperkenal dan mengimplementasikan dasar sesebuah negara.<sup>4</sup> Konsep ini menekankan unsur individu sebagai faktor penting dalam mengambil keputusan atau dasar sesebuah negara. Individu dalam mengambil keputusan ini dapat dilihat dari segi peribadinya, seperti gaya kepimpinan, karakter, penggunaan penasihat, dan proses mendapatkan maklumat.<sup>5</sup> Mudahnya, idiosinkratik dapat ditakrifkan sebagai sesuatu yang dimiliki oleh pembuat dasar seperti nilai, bakat, karakter, gaya kepimpinan dan pengalaman yang mempengaruhi proses pengambilan keputusan atau dasar.

Alex Mintz dan Karl DeRouen<sup>6</sup> membahaskan tiga indikator penting dalam konsep idiosinkratik, iaitu sifat peribadi pemimpin, gaya kepimpinan, dan jenis pemimpin. 1), *Sifat peribadi pemimpin*. Sifat peribadi seseorang merupakan proses integrasi yang bersifat individu daripada persepsi, ingatan, penilaian, mencari tujuan, ekspresi dan emosi. Ia juga tersabit dengan faktor lain seperti gender, kelas, budaya, etnik, dan generasi. 2). *Gaya kepimpinan*, Terdapat beberapa gaya kepimpinan yang dibahaskan Mintz dan DeRouen Jr, iaitu:

- Goal-driven vs Context-driven

*Goal-driven* cenderung untuk mencabar rintangan yang mungkin dihadapi dalam mengambil sebuah keputusan dasar luar. Biasanya pemimpin *goal-*

*driven* tidak peduli terhadap maklumat baru, sementara pemimpin *context-driven* cenderung mencari maklumat baru.

- Task-oriented vs Task-motivated

Gaya kepimpinan *task-oriented* tidak mungkin mengubah kedudukan atau ideologi mereka. Sedangkan pemimpin *task-motivated*, cenderung kurang memerlukan pakatan antarabangsa atau pakatan domestik sebelum mengambil tindakan dalam mengekalkan dasar yang dibuatnya.

- Task-oriented vs Context-Oriented

Dapat dianalisa apakah seorang pemimpin memiliki gaya kepimpinan *task-oriented* atau *context-oriented* daripada: a) Apakah pemimpin menghadapi halangan politik; b) Keinginan pemimpin untuk menerima maklumat baru; dan c) Apakah pemimpin fokus pada masalah atau fokus pada hubungan.

Indikator ke-3). *Jenis pemimpin*. Ada jenis pemimpin yang mengetahui apa yang diinginkannya dan akan mencari maklumat untuk mencapai tujuannya tersebut. Secara politik, pemimpin jenis ini memiliki sifat berani namun tetap berhati-hati dalam mewujudkan aspirasi dan ambisinya. Jenis ini disebut sebagai pemimpin strategik. Ada juga pemimpin pragmatik, iaitu pemimpin yang memahami rintangan-rintangan politik yang dihadapi namun tidak peka terhadap maklumat di sekelilingnya. Ada juga jenis pemimpin kharismatik dan lain-lain lagi.

Dalam konteks sifat peribadi dan gaya kepimpinan Donald Trump, penganalisis politik menggelarkan beliau dengan pelbagai gelaran yang merujuk kepada tindakan dan dasar beliau yang selalu kontroversi. Pippa Norris menyebutnya sebagai *authoritarian populism*.<sup>7</sup> Trump juga digolongkan beraliran konservatif dan mengambil jalan yang bertentangan dengan Obama (Anti Obama). Pagliarulo menyebutnya sebagai *Old School Conservatism*.<sup>8</sup> Dalam isu perjanjian nuklear Iran contohnya, Trump memiliki pandangan sendiri terhadap negara itu. Beliau mengatakan bahawa Iran melakukan banyak pelanggaran perjanjian.<sup>9</sup> Ahli politik dan penganalisis lain juga merujuk kepada tindakan populis Trump yang lain, seperti anti-perdagangan bebas dan anti-pendatang asing sebagai *Trumpism*<sup>10</sup> dan *Trumpisme* dimaknai oleh Thompson sebagai penolakan terhadap globalisasi dan internasionalisme.<sup>11</sup> Semua ini menunjukkan bahawa Trump seorang konservatif dan populis, iaitu mengambil tindakan dan dasar yang kontroversi. Mudahnya, apa jua gelaran beliau, pastinya Trump bukanlah seorang yang beraliran sederhana. Dalam artikel ini, penulis cenderung menggelarkannya sebagai *Trumpisme* sebagai merujuk individu, peribadi dan gaya kepimpinan yang dibawanya. Bila disebut *Trumpisme* secara khusus, ia merujuk kepada setiap dasar yang diambil Donald Trump adalah bersifat kontroversi. Bila disebut *Trumpisme* secara umum, seolah-olah ia merujuk kepada setiap tindakan atau dasar yang kontroversi yang diambil oleh setiap pemimpin negara.

Jika dikaitkan dengan idiosinkratik dalam peribadi Trump, jelas menunjukkan beliau seorang yang keras, tegas, tidak peduli dengan pandangan

orang lain, sehingga setiap dasar yang diambilnya mengundang kontroversi. Beliau dinilai keras dan tegas bahkan terhadap orang di sekelilingnya. Sebagai contoh, ramai pegawai-pegawai kanannya yang dipecat ataupun meletakkan jawatan kerana tidak sebulu dengan dasar Trump. Antara mereka yang meletak jawatan ialah Patrick Kennedy, pegawai tinggi di Pejabat Negara AS meletak jawatan pada Januari 2017. Sebastian Gorka, pegawai tinggi Keselamatan Nasional Rumah Putih meletak jawatan pada Ogos 2017 kerana tidak bersetuju dengan keputusan Trump menghantar ramai pasukan tentera ke Afghanistan. Sean Spicer, Juru Cakap Rumah Putih meletak jawatan pada Julai 2018. Andrew McCabe, Timbalan Ketua Pengarah FBI (*Federal Bureau of Investigation*) meletak jawatan pada Januari 2018 kerana Trump menuduhnya penyokong Parti Demokrat. Jeff Sessions, Peguam Negara meletak jawatan pada Mac 2017 kerana terlibat konflik dengan Presiden Trump berkenaan mekanisme siasatan terhadap James Comey, Ketua Pengarah FBI. Terakhir Rex Tillerson, Setiausaha Negara dipecat oleh Presiden Trump kerana dihina dan terlibat konflik dengan Trump.<sup>12</sup>

Beliau juga disifatkan tidak peduli dengan pandangan dan nasihat orang lain sepertimana yang berlaku ketika Presiden Perancis dan Canselor Jerman menemuinya dan menasihatiinya agar tidak menarik diri daripada perjanjian nuklear Iran. Walau bagaimanapun, Trump mengambil keputusan sebaliknya. Contoh lain misalnya, Trump ketika kempen pilihanraya presiden berinisiatif untuk membina tembok di sempadan AS-Meksiko bagi menghalang kemasukan ramai imigran daripada Meksiko ke AS. Sebaik sahaja dilantik sebagai Presiden AS, beliau meminta Kongres meluluskan bajet pembinaan tembok tersebut sebesar USD 5.7 bilion. Namun ia ditentang Kongres. Pada Januari 2019, Trump berkeras meminta Kongres meluluskan bajet tersebut, namun ahli Kongres khususnya dari Parti Demokrat menentangnya. Beliau kemudian mengancam Kongres akan mengisytiharkan Darurat Nasional sekiranya Kongres tidak bersetuju. Dengan begitu, Trump memiliki kuasa membina tembok tersebut tanpa autoriti Kongres.<sup>13</sup> Perkara ini menunjukkan bahawa Trump seorang yang tidak mengindahkan pandangan orang lain dan bertegas terhadap keputusan yang diambilnya.

Meskipun peribadi beliau seorang yang keras dan tidak peduli dengan nasihat dan pandangan orang lain, tetapi gaya kepimpinan beliau dilihat sebagai *Goal-driven*. Ini kerana beliau cenderung untuk mencabar rintangan daripada Kongres dan pemimpin dunia yang lain asalkan matlamat dan dasar beliau tercapai. Manakala dari segi jenis kepimpinan pula, beliau adalah seorang yang berani namun tidak hati-hati dan tidak peka dengan sekeliling sehingga keputusan yang diambil cenderung mengundang kontroversi. Dalam konteks ini, jenis kepimpinan beliau adalah gabungan antara strategik dan pragmatik.

Beberapa kajian yang dilakukan Danforth; Onuki, Ribeiro, Oliveira; dan Bleu menunjukkan bahawa sifat, karakter dan ideologi dapat mempengaruhi seseorang pemimpin dalam menentukan dasar luar negaranya.<sup>14</sup> Dasar Trump

yang anti perdagangan bebas, anti pendatang asing, menolak memperakui perjanjian nuklear Iran adalah antara tindakan yang menggambarkan bahawa dasar beliau dipengaruhi oleh gaya kepimpinan dan karakternya sendiri. Walaupun tidak dinafikan wujud kepentingan sebagai faktor lain mengapa Trump mengambil tindakan sebegini tetapi ia bukanlah perkara yang dibahaskan dalam artikel ini.

## **Hubungan Iran-Amerika Syarikat: Dari Rakan Menjadi Lawan**

AS dan Iran memiliki sejarah hubungan politik dua hala yang cukup lama. Secara rasminya hubungan tersebut bermula pada tahun 1856. Iaitu ketika Shah Iran, Nasseredin Shah Qajar, menghantar dutanya yang pertama ke Washington DC, iaitu Mirza Abolhasan Syirazi. Walau bagaimanapun, bermula pada tahun 1944 barulah kedua-dua negara mula membuka kedutaan besar di negaranya masing-masing.<sup>15</sup> Pada era Perang Dingin, khususnya sebelum berlaku Revolusi Islam Iran tahun 1979, hubungan kedua-dua negara terjalin dengan sangat baik. Mohammad Reza Pahlavi yang ketika itu sebagai Shah Iran menjalin hubungan dua hala yang sangat erat dengan AS, ia termasuklah dalam pemodenan dasar ekonomi Iran, pelaksanaan dasar luar yang pro-Barat dan kerap mengadakan lawatan ke AS. Shah menganggap AS sebagai sekutunya yang paling utama pada ketika itu.<sup>16</sup>

Hubungan dua hala kedua-dua negara pada zaman Perang Dingin ini terbentuk kerana wujudnya kepentingan. Dalam hal kepentingan AS terhadap Iran pada ketika itu ialah untuk mengimbangi pengaruh kuasa Kesatuan Soviet.<sup>17</sup> Ini berlaku kerana wujud persaingan antara AS dan Soviet yang bermula pada tahun 1945 hingga tahun 1990an di mana ekspresi keselamatan nasional digunakan secara meluas untuk menunjukkan polisi kerajaan yang bermatlamat dalam mempertahankan autonomi dan integriti negara daripada ancaman negara lain.<sup>18</sup> AS juga beranggapan bahawa Iran merupakan salah sebuah negara yang berpengaruh di Timur Tengah pada ketika itu sehingga dari segi politik sangat berpotensi dijadikan sekutu untuk memperkuatkan hegemoni AS di Timur Tengah. Selain itu, Iran juga negara yang kaya dengan sumber alam, khususnya minyak dan gas, dua sumber yang sangat diperlukan oleh negara industri besar seperti AS.<sup>19</sup>

AS dan Iran kemudiannya menjalin hubungan kerjasama dalam bidang ketenteraan. Ia tidak hanya berfungsi sebagai benteng untuk menghalau pengaruh Komunisme tetapi juga bertujuan untuk mengekalkan dinasti Shah Iran sebagai pemimpin.<sup>20</sup> Semenjak tahun 1952, AS memberikan bantuan dana kepada Iran sebanyak USD1,135 bilion. Daripada jumlah tersebut, sebanyak USD631 juta merupakan bantuan ekonomi, manakala USD504 juta untuk bantuan ketenteraan. Semua bantuan ketenteraan tersebut adalah pemberian (bukan hutang), manakala bantuan ekonomi yang berbentuk pemberian ialah sebanyak USD376 juta. Ini bermakna Iran hanya berhubung dengan AS dari

bantuan tersebut sebanyak USD255 juta sahaja.<sup>21</sup>

Tahun 1965 hingga 1975 merupakan zaman keemasan Shah Iran. Ini kerana AS telah membantu membangkitkan ekonomi Iran dengan pelbagai bantuan kewangan, teknologi, kepakaran dan ketenteraan. Oleh itu, Shah Iran memiliki hasrat untuk meletakkan kedudukan Iran setaraf dengan Britain dan AS. Pada ketika ini jugalah AS dan sekutunya menyokong pembangunan program nuklear Iran dengan andaian untuk mencukupi bekalan tenaga elektrik Iran dan pada masa yang sama agar sumber minyak tidak dieksplotasi lebih besar lagi sebagai sumber untuk memenuhi keperluan elektrik tersebut.<sup>22</sup> Pada ketika ini hubungan yang terjalin antara AS dan Iran sangat erat.

Jalinan hubungan yang baik selama Perang Dingin ini dimanfaatkan oleh Shah Iran untuk meminta bantuan pembinaan nuklear kepada AS. Bermula daripada tahun 1974, AS memberikan bantuan bekalan elektrik dan uranium yang telah diperkaya untuk mencipta tenaga nuklear selama 10 tahun.<sup>23</sup> AS juga membantu menyediakan keperluan bahan-bahan utama untuk program nuklear Iran antaranya ialah 5,545 kg uranium yang telah diproses, di mana 1,165 kg diantaranya merupakan *fissile isotope* yang digunakan sebagai bahan api untuk Pusat Penyelidikan Nuklear. Namun apabila satu revolusi tercetus di Iran pada tahun 1979, hubungan kedua-dua negara berubah dengan drastik. Masa itu, Iran tidak lagi menganggap AS sebagai rakan. Pemimpin Iran menganggap AS sebagai parasit yang merosakkan negaranya secara perlahan.<sup>24</sup> Justeru, hubungan Iran-AS yang dahulu adalah rakan, kemudian bertukar menjadi lawan.

Revolusi Iran yang berlaku pada 1 April 1979 adalah salah satu peristiwa besar yang menggemparkan dunia. Revolusi Iran disifatkan sebagai satu kejayaan rakyat Iran menjatuhkan Dinasti Mohammed Reza Shah Pahlavi tanpa bantuan senjata dari pihak ketenteraan.<sup>25</sup> Peristiwa revolusi telah mengakibatkan dua perubahan besar berlaku, iaitu pertama, ia menyebabkan sistem pemerintahan di Iran juga bertukar di mana sebelumnya berbentuk sistem monarki, kini menjadi sistem teokratik dan mengamalkan prinsip Islam (aliran Syiah) sebagai dasar pemerintahan di mana pemimpin yang tertinggi dipegang oleh ulama atau yang dikenali sebagai Ayatullah.<sup>26</sup>

Kedua, revolusi memberikan impak kepada hubungan dua hala kedua-dua negara. AS yang semenjak awal lagi tidak bersetuju terhadap revolusi yang berlaku di Iran menyebabkan hubungan baik ini terancam. Boleh dikatakan revolusi adalah penanda aras persengketaan antara Iran dengan Amerika Syarikat (AS) dan perseteruan dengan negara Saudi.<sup>27</sup> Hubungan kedua-dua negara semakin tegang pasca pengepungan kedutaan AS di Tehran yang dilakukan oleh sekumpulan mahasiswa Iran dan menahan seramai 53 orang warga AS di kedutaan tersebut selama 444 hari. Pada tahun yang sama, kedutaan besar AS di Tehran ditutup dan warga AS dihalau keluar dari Iran. Inilah yang menjadi titik tolak permusuhan dan terputusnya hubungan diplomatik kedua-dua negara.<sup>28</sup>

Berlakunya Perang Iraq-Iran pada tahun 1980 hingga Ogos 1988, semakin mengeruhkan lagi hubungan Iran-AS kerana AS mengambil sikap untuk menyebelahi Iraq dalam perang tersebut. Secara tidak langsung, peristiwa revolusi 1979 menyebabkan Iran dipulaukan oleh AS dan dunia antarabangsa. Selepas tamatnya Perang Dingin, hubungan kedua-dua negara semakin tegang kerana pada tahun 1995, AS mengenakan sekatan ekonomi ke atas Iran.<sup>29</sup> Pada tahun 2002, hubungan AS-Iran semakin teruk apabila Bush memperkenalkan konsep *Axis of Evil* yang mengelompokkan Iran sebagai salah sebuah negara yang menyokong aktiviti keganasan dan membangunkan Senjata Pemusnah Besar-besaran.<sup>30</sup>

Ketegangan hubungan ini terus berlarutan apabila AS mendesak Iran agar menamatkan program pembangunan nuklearnya. AS menyifatkan bahawa jika pembangunan teknologi nuklear Iran tidak ditamatkan, maka Iran berpotensi menggunakan untuk mencipta senjata nuklear. Pemimpin Iran, seperti Ahmadinejad, Khamenei, dan Rouhani banyak kali menafikan bahawa Iran berhasrat mencipta senjata nuklear. Walau apapun, tahap kepercayaan AS terhadap Iran sudah sangat rendah. Mudahnya, AS tidak mempercayai penafian pemimpin Iran tersebut. Wendy Sherman, Setiausaha Negara bagi Hal Ehwal Politik, Jabatan Negara AS (2011-2015) pada 2013 mengatakan: "*Iran has consistently concealed its nuclear activities and continues to do so, denying required access and information to the International Atomic Energy Agency*".<sup>31</sup>

Oleh itu, AS sebagai negara hegemoni merasa bertanggungjawab untuk menghalang perkara tersebut daripada berlaku kerana AS menyifatkan ia tidak hanya berpotensi mengancam keselamatannya, tetapi juga keselamatan negara sekutu AS yang lain.<sup>32</sup> Wendy Sherman pada 15 Mei 2013 menyatakan: "Senjata nuklear Iran akan menimbulkan ancaman kepada rantau ini, kepada dunia, dan untuk masa depan rejim nuklear global. Ia menimbulkan risiko perlumbaan senjata di rantau yang sudah penuh dengan keganasan dan konflik. Senjata nuklear akan menjadikan rejim menjadi berani untuk menyebarkan ketidakstabilan melalui proksi dan mengancam ekonomi global. Nuklear ini akan meletakkan senjata yang paling berbahaya di dunia ke tangan pemimpin yang bercakap secara terbuka tentang menyapu salah satu sekutu kami yang paling hampir, iaitu Israel, dari peta".<sup>33</sup>

Ketegangan hubungan antara Iran dan AS mencapai kemuncaknya apabila AS melobi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNSC) untuk mengeluarkan resolusi berhubung nuklear Iran. Atas lobi AS itu pula, UNSC mengenakan sekatan kepada Iran menerusi Resolusi No. 1696 pada tahun 2006, Resolusi 1737 tahun 2006, Resolusi 1747 tahun 2007, Resolusi 1803 tahun 2008, dan Resolusi 1929 tahun 2010.<sup>34</sup> Hal ini menyebabkan hubungan kedua-dua negara semakin tegang.

Hubungan Iran-AS mula pulih apabila Iran dipimpin oleh Rouhani yang disifatkan sebagai seorang yang *moderate*. Hubungan kedua-dua negara semakin pulih selepas Iran bersedia menandatangani perjanjian nuklear

bersama P5+1 (AS, Rusia, China, UK, Perancis dan Jerman) yang dikenali sebagai JCPOA pada 2015 yang lalu. Bagaimanapun, sebaik sahaja Donald Trump dilantik sebagai Presiden AS pada Januari 2017 yang lalu, hubungan kedua-dua negara mengalami ketegangan. Ini berlaku kerana Trump menolak untuk memperakui perjanjian nuklear yang harus ditandatangani AS setiap tiga bulan sekali.

## Pembangunan Nuklear Iran

Pada tahun 1957, Iran dan AS telah menandatangani perjanjian kerjasama pembinaan program nuklear untuk kepentingan teknologi industri dan sumber tenaga, di mana ia merupakan sebahagian daripada program AEC (US Atomic Energy Commission). AS menyediakan bantuan beberapa kilogram uranium, tenaga pakar dan kerjasama dalam bidang penyelidikan mengenai manfaat nuklear. Perjanjian ini kemudian diteruskan oleh Iran dengan membina Pusat Penyelidikan Nuklear di Universiti Tehran pada tahun 1959.<sup>35</sup>

Pada 1 Julai 1968, Iran menandatangani Perjanjian Pengawalan Senjata Nuklear (NPT).<sup>36</sup> Perjanjian ini membenarkan negara-negara lain yang turut menandatanganinya, termasuk Iran untuk membangunkan program nuklear bagi tujuan perdamaian,<sup>37</sup> seperti untuk teknologi kesihatan, industri, pertanian, dan juga untuk menjana kuasa elektrik. Shah Iran meluahkan hasratnya untuk membina tenaga elektrik dengan kapasiti 23,000 megawatt. AS dan Eropah kemudian menyokong hasrat Shah ini. Pada tahun 1975, Setiausaha AS, Henry Kissinger menandatangani perjanjian dengan Menteri Kewangan Iran, Hashan Anshari berkenaan aktiviti perdagangan dalam skop yang lebih luas termasuk di dalamnya mengenai pembelian lapan reaktor nuklear.<sup>38</sup>

Walau apapun, Shah Iran ternyata tidak hanya puas pada tahap pembangunan nuklear sebagai penjana kuasa elektrik sahaja, malahan beliau juga ingin membangunkannya menjadi senjata nuklear. Apabila Shah ditanya sama ada Iran akan mencipta senjata nuklear dalam satu temu bual dengan wartawan Perancis, Shah dipetik sebagai berkata, *"Sudah tentu dan lebih cepat daripada sekali berfikir"*. Walau bagaimanapun, pegawai Iran segera menafikan kenyataan itu, dan berkata *"Sebenarnya Shah Iran tidak merancang untuk membina senjata nuklear tetapi akan menyemak semula dasar nuklear Iran jika negara-negara bukan nuklear lain berhasrat mencipta senjata nuklear"*.<sup>39</sup> Perkara ini sangat jelas menunjukkan yang Iran memang berhasrat mencipta senjata nuklear, meskipun dinafikan oleh pegawai Iran tetapi di situ terdapat klausa yang menyatakan jika negara-negara bukan nuklear lain mencipta senjata nuklear, maka Iran akan melakukan perkara yang sama.<sup>40</sup> Hasrat Shah ini didorong oleh rasa syak terhadap Israel yang ketika itu telah memiliki senjata nuklear.<sup>41</sup> Berikut itu, Shah Iran menjalin kerjasama dengan AS yang menawarkan bantuan kepada Iran untuk mengekstraksi plutonium dari bahan

reaktor nuklear. Dengan begitu, Iran bakal menjadi negara kedua di rantau Timur Tengah yang memiliki senjata nuklear selepas Israel.<sup>42</sup>

Namun, apabila berlaku Revolusi Islam Iran 1979, impian dan cita-cita Shah Iran untuk menjadi negara kuasa nuklear tidak menjadi realiti. Ini kerana Ayatollah Khomeini menamatkan segala aktiviti projek pembangunan nuklear.<sup>43</sup> Meski demikian, Ketika Iran dipimpin oleh Rafsanjani (1989-1997), program nuklear Iran diteruskan semula untuk memenuhi keperluan rakyat Iran terhadap tenaga elektrik.<sup>44</sup> Pada tahun 1991, China secara rahsia menghantar 1.8 tan isotop uranium kepada Iran untuk digunakan dalam satu siri eksperimen yang berkaitan dengan penanda aras menguasai asas kimia atom. Pada pertengahan 1990-an China menyediakan reka bentuk terperinci kepada Iran untuk kemudahan penukaran uranium.<sup>45</sup> Perkara ini adalah sulit dan tidak dilaporkan kepada IAEA hingga beberapa tahun kemudian<sup>46</sup>

Pada tahun 1993, Iran mengimport 50 kg uranium asli dari China. Selain itu, Iran juga mengimport bahan-bahan kimia, kapal berlapis kaca, alat penapis udara, dan teknologi penghasil alat senjata kimia.<sup>47</sup> Pada tahun 1997, atas desakan AS, China terpaksa menghentikan bantuannya kerana AS mencurigai China memberikan bantuan teknologi dan kepakarannya menerusi syarikat-syarikat negara itu.<sup>48</sup> Pada bulan Februari 2003, Khatami, yang ketika itu Presiden Iran kelima, mengumumkan di televisyen mengenai fasiliti nuklear di Natanz, Isfahan dan Kashan. Beliau juga secara rasmi mengundang IAEA untuk melakukan pemeriksaan ke fasiliti nuklear tersebut.<sup>49</sup> Walau bagaimanapun, pada 21 Oktober 2003, EU-3 akhirnya berjaya mendorong Iran untuk menangguhkan segala aktiviti pembangunan nuklearnya.<sup>50</sup>

Apabila Ahmadinejad dilantik sebagai presiden Iran yang keenam pada tahun 2005, program nuklear yang terhenti pada era Khatami dilanjutkan semula. Ahmadinejad menyatakan bahawa pembangunan nuklear Iran adalah untuk perdamaian dan kesejahteraan rakyat Iran. Beliau menafikan pembangunan nuklear ini sebagai langkah untuk mencipta senjata nuklear. Ahmadinejad menyatakan;

*"They are saying that Iran is seeking the atomic bomb. But they should know ... we do not need a bomb ... Rather we will act thoughtfully and with logic. History has shown that anyone acting against the Iranian nation regrets it."*<sup>51</sup>

Keperluan Iran untuk membangunkan program nuklearnya adalah untuk menjana kuasa elektrik.<sup>52</sup> Ini kerana penggunaan terhadap sumber tenaga elektrik telah meningkat secara drastik, iaitu antara 5% sampai 8% setahun. Pada tahun 2010, penggunaan elektrik di Iran memerlukan tambahan sekitar 7000 Megawatt. Penggunaan sehingga 7000 Megawatt ini tidak mungkin dipenuhi hanya dari sektor minyak dan gas sahaja kerana Iran adalah negara yang sebahagian besar pendapatannya berasal daripada eksport minyak

dan gas, iaitu mencapai 45% dari seluruh pendapatan negara.<sup>53</sup>

Meskipun Ahmadinejad telah menyatakan program nuklearnya adalah untuk tujuan damai, namun AS tidak mempercayai tujuan nuklear Iran tersebut. Justeru, AS dan Israel mendakwa Iran cuba untuk membangunkan senjata nuklear. Berikutan itu, AS melobi 14 negara ahli Majlis Keselamatan PBB yang lain untuk mengenakan sekatan ke atas Iran. Majlis Keselamatan PBB akhirnya mengenakan sekatan ekonomi dan senjata menerusi Resolusi No. 1696, 1737, 1747, 1803, dan 1929.

Sejurus dilantik sebagai Presiden Iran ketujuh pada 2013, Rouhani dilihat mula berjinak-jinak dengan AS. Pada 23 September 2013, Rouhani menyatakan hasratnya untuk berbincang dengan Obama melalui telefon sebelum beliau meninggalkan AS sempena Perhimpunan Agung PBB. Akhirnya Obama memenuhi hasrat Rouhani dengan membuat panggilan telefon ketika Rouhani berada di dalam kenderaan menuju Lapangan Terbang Antarabangsa John F. Kennedy. Ini merupakan julung kali dalam sejarah Iran dan AS di mana kedua-dua pemimpin tersebut berhubung secara langsung melalui media telefon sejak peristiwa revolusi.<sup>54</sup> Oleh kerana sikapnya yang terbuka, tidak hairan apabila Rouhani mengambil dasar yang lebih kurang sama dengan Khatami soal nuklear Iran, iaitu bersedia mengurangkan pengayaan uraniumnya.

### **Pasca Rundingan dengan P5+1**

Pada 3 April 2015 telah dicapai kesepakatan rundingan program nuklear Iran dengan negara-negara P5+1. Dalam rundingan ini, Iran bersetuju untuk mengurangkan pengayaan uraniumnya, namun dibenarkan untuk membangunkan nuklear bagi tujuan damai. Simpanan uranium Iran akan dikurangkan sebanyak 98 peratus, dari 10,000 kg kepada 300 kg sahaja. Pengurangan ini akan dikekalkan selama lima belas tahun,<sup>55</sup> iaitu semenjak rundingan ini dikuatkuasakan bermula Januari 2016 sehingga 2031.<sup>56</sup> Untuk tempoh lima belas tahun yang sama, pengayaan uranium Iran hanya terhad kepada 3.67 peratus, dan ia bukan untuk membina senjata nuklear.<sup>57</sup>

Pada 14 Julai 2015, Iran dan negara-negara P5+1 berjaya mencapai kesepakatan yang lebih komprehensif berkenaan program pembangunan nuklear atau yang lebih dikenali JCPOA dalam rundingan terakhir yang diadakan di Vienna. Kesepakatan ini meliputi rincian berkenaan mengurangkan pengayaan uranium Iran di pusat pembuatan uranium seperti di Natanz dan Arak, ketulusan Iran dalam proses pembikinan uranium, sekatan-sekatan sekiranya Iran melanggar perjanjian tersebut, dan penguatkuasaan perjanjian.<sup>58</sup> Berikutan itu, Iran dipastikan tidak berpeluang untuk mencipta senjata nuklear. Iran juga bersedia memberi laluan yang lebih telus kepada IAEA untuk memeriksa fasiliti dan reaktor nuklear Iran. Setelah kesepakatan dalam rundingan tersebut tercapai, maka UNSC bersetuju untuk menghentikan sekatan terhadap Iran. Namun ia akan dihentikan selepas mendapat laporan daripada IAEA yang

mengesahkan bahawa Iran telah mengurangkan pengayaan uraniumnya. Sekatan yang dihentikan ialah berkenaan sekatan ekonomi. Manakala sekatan senjata dihentikan selepas lima tahun dan sekatan peluru berpandu selepas lapan tahun. Kesepakatan ini merupakan sejarah panjang Iran setelah bertahun-tahun lamanya disekat oleh AS, Eropah, dan UNSC.<sup>59</sup>

Pada era Obama, Iran dan negara-negara P5+1 telah mencapai kata sepakat. Sekatan ke atas Iran juga sudah ditarik balik secara beransur-ansur. Ini bererti konflik dan perbalahan antara Iran dengan AS dan negara-negara Eropah sudah berakhir untuk sementara. Pada era tersebut, hubungan Iran dan AS dapat disifatkan sebagai rakan walaupun ia tidak serapat seperti pada zaman Shah dahulu. Walau bagaimanapun, apabila Trump mengambil alih pentadbiran AS, hubungan yang sudah agak baik pada era Rouhani dan Obama ini, berubah menjadi agak tegang. Ramai yang berharap bahawa ketegangan antara Iran dan negara Barat akan berakhir selari dengan ditandatanganinya perjanjian nuklear Iran dengan P5+1 pada 14 Julai 2015 yang lalu. Ia disusuli dengan dihapuskannya sekatan ke atas Iran secara beransur-ansur dan pihak IAEA dibenarkan memasuki seluruh fasiliti nuklear tanpa sebarang halangan. Malangnya, dasar yang dilaksanakan oleh Trump telah bukan saja menjelaskan hasil usaha rundingan yang telah disepakati bersama sebelum ini, bahkan turut menghilangkan potensi penyelesaian isu ini secara diplomatik dan aman.

### **Dasar Trump Terhadap Pembangunan Nuklear Iran**

Sejak 15 tahun yang lalu hingga sekarang, AS menghadapi persoalan ekonomi yang serius. Sebahagian besar masalah ekonomi ini disebabkan serangan AS ke Afghanistan dan Iraq, di mana Rumah Putih telah menghabiskan kos yang besar untuk membayai perang di kedua-dua negara tersebut. Selain itu, masyarakat Amerika juga menghadapi jurang ekonomi dan sosial yang kentara sehingga ia akan mempengaruhi hubungan sosial di antara anggota masyarakat. Oleh itu, mereka memiliki harapan besar supaya pemimpin baru dapat merealisasikan harapan mereka untuk keluar dari jurang ekonomi dan sosial tersebut. Trump memahami keadaan yang sedang dialami masyarakat AS tersebut dan menjanjikan apa yang menjadi kehendak rakyat menerusi slogan dalam kempennya, iaitu “*Make America Great Again*”. Rakyat menyambut hangat slogan ini dan berharap Trump akan membawa masyarakat AS ke masa hadapan yang lebih baik.

Trump menumpukan dasar luar yang bersesuaian dengan kepentingan AS, selari dengan slogan kempennya yang bertujuan untuk menjadikan AS disegani semula di pentas politik antarabangsa. Dasar luar Trump dikenali dengan “*America First*”. “*America First*” yang dimaksud Trump ialah keselamatan dan kepentingan warga AS menjadi prioriti dalam setiap dasar luarnya.<sup>60</sup> Berkaitan dengan penggunaan senjata nuklear dalam apa juar bentuk sekalipun, apalagi disalahgunakan untuk tujuan keganasan adalah perkara yang

tidak dapat ditolak ansur. Sayangnya, Trump secara mengejutkan memberikan kenyataan untuk membiarkan Jepun dan Korea Selatan membangunkan kuasa nuklear mereka<sup>61</sup> Ini satu lagi dasar Trump yang disifatkan kontroversi. Namun, sebagai seorang yang berkarakter keras dan tidak ambil peduli dengan pandangan orang atau negara lain, tidak menghairankan bila Trump mengambil tindakan kontroversi itu.

Perkara yang mengejutkan sekali lagi adalah apabila pada 13 Oktober 2017, Trump menolak untuk memperakui perjanjian nuklear Iran, sesuatu yang perlu dilakukan presiden setiap tiga bulan sekali. Trump kemudian mengambil langkah untuk menyerahkan kepada Kongres AS bagi memutuskan sama ada akan mengenakan sekatan baru. Jika Kongres gagal bersetuju dengan syarat yang lebih ketat terhadap Iran maka Trump akan menarik diri dari kesepakatan itu sepenuhnya. Kebanyakan negara-negara Eropah yang menandatangani perjanjian JCPOA seperti British, Jerman dan Perancis tidak bersetuju dan amat menyesal dengan tindakan Trump.<sup>62</sup>

Walau bagaimanapun, masa dua bulan itu telahpun tamat pada bulan Disember 2017 yang lalu, dimana Kongres tidak memberikan sebarang keputusan terhadap perjanjian nuklear Iran kerana tidak mendapat sokongan padu daripada ahli Kongres yang lain. Oleh itu, keputusan seterusnya ada di tangan Trump.<sup>63</sup> Pada 8 Mei 2018, Trump akhirnya mengumumkan bahawa AS menarik diri dan keluar dari perjanjian nuklear Iran<sup>64</sup>. Meskipun tindakan Trump ini dikesalkan negara ahli P5+1, namun Trump tidak peduli dan kekal dengan keputusannya. Ini menunjukkan gaya kepimpinan Trump adalah *Goal-driven*, iaitu meskipun rakan sekutunya kesal terhadap tindakan sebegitu, tetapi demi tujuan dan objektifnya, Trump tetap menempuh cabaran itu.

Sebelum itu, Trump telah mengenakan sekatan ke atas Revolutionary Guard Corps kerana didakwa telah membantu pengganas<sup>65</sup> dan menggelar pemerintah Iran sebagai “*rejim fanatik*”<sup>66</sup>. Namun, menurut penulis mengenakan sekatan ke atas Iran bukanlah pilihan terbaik yang harus diambil oleh Pentadbiran Trump kerana ia akan memburukkan lagi situasi dan hubungan Iran-AS yang sudah mula membaik di masa Pentadbiran Obama. Ini selari dengan pendapat Hassibi dan Sauer<sup>67</sup> yang mengulas isu nuklear Iran di masa Pentadbiran Obama. Mereka menyatakan bahawa menghukum Iran dengan menyekat negara itu berhubung isu nuklear merupakan tindakan yang kurang tepat. Pendekatan terbaik yang mesti diambil AS adalah dengan cara resolusi diplomatik, bukan dengan pendekatan sekatan apatah lagi pendekatan ketenteraan.

Sebelum ini, Trump telah membawa AS keluar dari perjanjian TPP (Trans-Pacific Partnership) pada 23 Januari 2017 lalu.<sup>68</sup> Trump juga mengumumkan bahawa AS keluar dari UNESCO berkuatkuasa Disember 2018.<sup>69</sup> Selain itu, Trump telah melarang tujuh negara Islam daripada memasuki AS, iaitu Iran, Iraq, Yaman, Libya, Syria, Sudan dan Somalia melalui Executive Order 13769 atau yang lebih dikenali *Muslim ban* atau *Travel ban*.<sup>70</sup> Semua

fakta ini menunjukkan bahawa dengan karakter dan gaya kepimpinannya yang tersendiri, Trump adalah seorang yang populis. Ia berbeza dengan Obama yang disifatkan lebih sederhana dan berdiplomasi. Oleh yang demikian, perkara ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang kuat antara karakter dan gaya kepimpinan seorang pemimpin dengan dasar kerajaan yang diambil oleh pemimpin tersebut.

## Masa Depan Nuklear Iran

Setelah Donald Trump berkuasa di AS, usaha untuk merosakkan JCPOA sangat kentara. Trump mengatakan bahawa JCPOA merupakan satu perjanjian terburuk yang pernah ditandatangani AS. Beliau menyatakan; “*The Iranian deal was one of the worst and most one-sided transactions the United States has ever entered into*”.<sup>71</sup> Trump mungkin kecewa melihat Iran yang tidak berundur dari perjanjian ini, sementara pada masa yang sama AS harus menghentikan sekatan ke atas Iran sekiranya kekal berada dalam perjanjian tersebut. Kepatuhan Iran dalam perjanjian JCPOA ini membawa imej yang positif ke atas negara itu. Perlu diketahui bahawa perjanjian nuklear Iran dalam JCPOA merupakan perjanjian bertaraf antarabangsa yang diiktiraf oleh PBB. Oleh yang demikian, Trump sepatutnya tidak boleh secara sepihak menarik diri dari perjanjian ini kerana ia akan membawa imej yang buruk kepada AS.

